

ANALISIS FAKTOR, KESAHAN DAN KEBOLEH PERCAYAAN INSTRUMEN INVENTORI STEREOTAIP MULTIETNIK MALAYSIA (ISMEM)

Jasmine Adela Mutang
Lailawati Madlan
Ferlis Bullare@Bahari
Chua Bee Seok

Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

ABSTRACT

This study aimed to test the validity and reliability of the Inventory of Malaysian Multi Ethnic Stereotypes (ISMEM) instrument developed by the researchers. The qualitative phase was using in-depth interviews and focus group discussions. The employment of qualitative method was to explore the concept of stereotypes among the ethnic groups. Quantitative phase involves the formation of items by themed and categorised the items that were built from the qualitative phase. A total of 1,000 university students from various ethnic groups in Malaysia were involved in the quantitative phase. Exploratory factor analysis on ISMEM has formed two main components labelled as Antecedents Stereotypes and Phenomenon Stereotypes. The psychometric assessment of ISMEM involves i) testing the construct validity between the Antecedents Stereotypes and the Phenomenon Stereotypes; (ii) determining the convergent validity between the Antecedents Stereotypes and the Phenomenon Stereotypes; (iii) testing the reliability coefficient of the Antecedents Stereotypes and the Phenomenon Stereotypes, and (iv) examining the item quality of the Antecedents Stereotypes and the Phenomenon Stereotypes. An assessment of the suitability of data for factor analysis was conducted before the psychometric assessment was carried out. The correlation ($r \geq .30$) between the scores of the Antecedents Stereotypes and the Phenomenon Stereotypes suggested a reasonable factoring. Construct validity test such as the Test Kaiser-Meyer-Olkin, the Bartlett's Test of Sphericity, the communalities, the load factor, the Eigen value and the percentage of variance factor in both components of the Antecedents Stereotypes and the Phenomenon Stereotypes are reasonable. The reliability value of Cronbach Alpha for the Antecedents Stereotypes ($\alpha = .897-.933$) and the Phenomenon Stereotypes are well accepted ($\alpha = .706-.821$). Therefore, ISMEM is a reliable and valid measure. However, further studies need to be conducted in other groups of sample to further validate the instrument.

Keywords: *Instrument Validity, Psychometric, Stereotypes, Multi-Ethnic.*

PENGENALAN

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang multi etnik namun masih boleh duduk di bawah bumbung yang sama. Keunikan ini telah menjadikan Malaysia sebagai negara yang aman dan damai sehingga kini. Walau bagaimanapun, tidak bermakna ketenteraman ini sentiasa wujud. Pada 13 Mei 1969 telah menjadi noktah hitam kepada seluruh penduduk di Semenanjung Malaysia akibat krisis etnik yang berlaku ketika itu. Peristiwa berdarah tersebut merupakan pertelingkahan di antara etnik Melayu dan Cina yang mana telah

mengorbankan banyak nyawa. Akibat daripada itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah ditubuhkan untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya di Malaysia. Keharmonian ini diharapkan akan dapat diteruskan untuk menjaga kestabilan sosial negara ini. Krisis dalam kalangan etnik sememangnya sentiasa ada namun ia dapat dibendung sekiranya terdapat unsur yang boleh menyemarakkan sesuatu isu yang akan mendorong kepada konflik antara etnik di Malaysia.

Stereotaip sememangnya wujud pada setiap kumpulan ataupun individu. Ia merupakan fenomena yang biasa terjadi kepada setiap individu memandangkan sifat manusia yang perlu mengenal kawan atau lawan sebagai asas untuk bertahan serta status perbezaan hierarki dan persaingan sesama individu ataupun kumpulan. Ahli dalam psikologi sosial telah mengukur bias antara kaum dan etnik sejak dari dulu lagi (Fiske, 1998). Kajian dalam bidang ini telah ada semenjak tahun 1930-an sehinggalah tahun 1950-an. Pelbagai aspek telah dikaji seperti menilai jarak sosial antara kumpulan (Bogardus, 1927) dan juga kandungan stereotaip (Katz dan Braly, 1933). Kajian stereotaip ini telah menarik minat ramai pengkaji terutamanya selepas berlakunya perang dunia kedua yang mana para pengkaji mula mengkaji tentang perkauman dan sikap etnik. Stereotaip adalah keyakinan, sering kali berdasarkan realiti, tentang kebolehan dan ciri-ciri ahli kumpulan sosial atau budaya.

Menurut McLemore (1994) dan juga Healey (2009) stereotaip adalah pernyataan umum yang negatif terhadap etnik lain. Stereotaip akan menyebabkan etnik yang dipandang negatif tidak disenangi dan akhirnya boleh membentuk sifat perkauman. Terdapat dua bentuk stereotaip yang digunakan iaitu melabelkan sesuatu etnik sebagai pemalas dan kurang bijak. Kedua pula adalah stereotaip akibat daripada perbezaan kuasa di mana kumpulan yang memegang kuasa akan menindas kumpulan yang berada di bawah kekuasaannya. Menurut Ismail Sualman (1998) proses mengkategorikan stimuli merupakan komponen yang penting dalam pembentukan stereotaip. Ini kerana andaian akan dibuat berdasarkan ciri umum dan bukan berlandaskan pengalaman peribadi. Masyarakat majmuk yang berada di Malaysia mewujudkan kepelbagaian budaya. Fenomena ini menjadi cabaran kepada setiap warganegara kerana perlu berhadapan dengan rangsangan baru dengan lambang yang tidak biasa bagi dirinya. Misalnya dalam aspek bahasa dan pertuturan yang ada kalanya disalah tafsir kerana mesej yang tidak difahami.

Setiap individu memiliki keperibadian yang tersendiri. Namun, ia boleh dipengaruhi oleh persekitarannya. Oleh sebab stereotaip adalah

tanggapan, maka berkemungkinan ia boleh diwarisi daripada generasi kepada generasi. Apabila ciri-ciri stereotaip itu dijadikan asas oleh seseorang, menyebabkan penilaian negatif walaupun tingkah laku sebenarnya adalah berbeza sama sekali dengan ciri-ciri stereotaip tersebut. (Costrich et al., 1975). Oleh yang demikian, sepatutnya perlu ada cara untuk menonjolkan stereotaip ini dalam kalangan etnik dan salah satunya adalah melalui pengukuran stereotaip. Pencegahan pada peringkat akar umbi lebih baik daripada terjadinya konflik akibat kurangnya kesedaran pada peringkat awal. Oleh yang demikian, tinjauan awal perlu dilakukan agar gambaran sebenar dapat diperoleh. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat, soal selidik yang sesuai perlu ada agar dapat yang akan diperoleh mampu memberikan maklumat sebagaimana yang diperlukan. Bagi tujuan tersebut, perlu ada alat kajian yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik. Oleh yang demikian, salah satu daripada tujuan kajian ini adalah membina alat kajian bagi tujuan mengukur stereotaip dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pengukuran Stereotaip Sedia Ada

Stereotaip boleh wujud dalam keadaan apa sahaja. Namun situasi yang biasanya dilihat adalah stereotaip dalam organisasi dan juga dalam kalangan etnik. Penyelidikan yang bertujuan untuk mengukur stereotaip tidak menghasilkan kepastian yang mutlak. Namun begitu, melalui pengukuran tersebut dapat menunjukkan potensi untuk berlakunya konflik. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Shih, Ambady, A. Richeson dan Fujita (2002) mengkaji stereotaip melalui *Stereotype Activation Manipulation* menggunakan alat kajian *Student Life Survey* oleh Shih et al (1999) tanpa menunjukkan unsur stereotaip secara terang-terangan seperti bahasa yang seharian yang digunakan dan juga penguasaan terhadap bahasa lain selain daripada bahasa ibunda mereka. Selain daripada bahasa, para pengkaji juga bertanyakan tentang tanggapan terhadap etnik lain. Terdapat pelbagai alat kajian yang mengukur stereotaip misalnya *Social Dominance Orientation* oleh Pratto et al, (1994), *Stereotype Content Model (SCM)* oleh Fiske et al. (2002), *Symbolic Racism Scale* oleh Henry dan Sears (2002), *Implicit Association Test (race)* oleh Greenwald et.,

(1998), *Indirect Priming Measure of Racism* oleh Fazio et al., (1995), *Aversive Racism Measure* oleh Dovodio et al., (1986), *Modern sexism Scale* oleh Swim et al., (1995) serta beberapa lagi alat ukur yang lain. Analisis ke atas soal selidik yang dibina berkaitan dengan stereotaip ini adalah pelbagai. Bermula dengan menggunakan pemarkahan sehinggalah kepada bentuk bukan parametrik (Madon et al., 2001). Berdasarkan alat kajian yang sedia ada, kebanyakannya telah direka oleh negara Barat dan sudah semestinya norma yang digunakan adalah dari barat. Para pengkaji dalam kajian ini telah membina soal selidik yang menggunakan norma masyarakat Malaysia. Alat kajian yang bertujuan untuk mengukur kecenderungan stereotaip di Malaysia masih kurang. Keperluan untuk membina alat kajian ini sangatlah penting memandangkan ia perlu sesuai dengan norma dan budaya masyarakat di Malaysia. Semua alat kajian yang telah dibina di barat telah diuji di negara barat sahaja. Oleh yang demikian, keperluan membina soal selidik yang diuji kebolehppercayaan dan kesahan menggunakan norma masyarakat Malaysia adalah lebih tepat kerana kesuaiannya menurut budaya tempatan. Pembentukan soal selidik ini adalah melalui dua fasa yang akan diterangkan dalam metodologi.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini mempunyai dua fasa iaitu fasa kualitatif dan juga fasa kuantitatif. Fasa kualitatif menggunakan kaedah temubual mendalam (*in-depth interview*) dan juga perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion*).

Fasa Kualitatif

Sebanyak 12 soalan terbuka (*open ended*) yang direka oleh para pengkaji dalam kajian ini digunakan yang bertujuan untuk meneroka stereotaip dalam kalangan etnik di negeri Sabah. Antara soalan yang dikemukakan adalah “bolehkah anda terangkan secara terperinci tentang etnik anda?” dan juga “apakah yang menarik tentang etnik anda?”.

Fasa Kuantitatif

Item akan dibentuk berdasarkan tema dan kategori yang telah dibina dari fasa kualitatif. Hasil daripada pembentukan tema dalam fasa kualitatif maka terbentuklah satu set soal selidik yang mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A terdiri daripada maklumat demografi, bahagian B adalah persepsi ataupun pandangan orang lain terhadap etnik anda, dan bahagian C adalah pengalaman atau situasi yang berkaitan dengan persepsi terhadap etnik sendiri. Soal selidik yang dibina ini dinamakan Inventori Stereotaip Multi-etnik Malaysia.

Responden Kajian

Seramai 1000 pelajar universiti yang terdiri daripada pelbagai etnik terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah ini seramai 329 orang pelajar lelaki dan 660 orang pelajar perempuan ($M= 21.9$, $SD= 2.81$). Manakala kategori etnik pula seramai 383 orang etnik Melayu, 78 orang etnik Cina, 27 orang etnik India, 291 orang bumiputera Sabah, 37 bumiputera Sarawak dan 211 adalah lain-lain. Responden yang menggunakan bahasa ibunda etnik sendiri adalah seramai 746 orang dan selebihnya iaitu 249 orang tidak menggunakan bahasa ibunda mereka.

Analisis Data

Fasa Kualitatif

Data dianalisis menggunakan tema analisis yang diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2006). Setelah proses temu bual dilakukan, data akan diterjemah ke dalam bentuk transkrip yang kemudiannya dibuat pembentukan tema serta kategori yang bersesuaian.

Fasa Kuantitatif

Analisis faktor eksploratori digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti faktor yang mempunyai korelasi mengesan sifat kesamaan yang wujud dalam pemboleh ubah untuk membentuk konsep baru dalam bentuk faktor. Teknik analisis faktor eksploratori yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis komponen utama. Pendekatan ini mengambil kira jumlah varian dalam data yang diperoleh.

Penilaian Psikometrik Inventori Stereotaip Multi Etnik Malaysia (ISMEM)

Inventori Stereotaip Multi Etnik Malaysia (ISMEM) telah dibina untuk mengukur anteseden stereotaip dan fenomena stereotaip dalam kalangan multi etnik Malaysia. Item-item dalam alat kajian stereotaip ini dibina berdasarkan temu bual dengan lima etnik utama di Sabah mengenai persepsi mereka terhadap etnik mereka sendiri dan terhadap etnik lain berdasarkan pengalaman mereka. Analisis Faktor Exploratori (EFA) digunakan dalam pembinaan komponen Stereotaip Multi Etnik Versi Malaysia. Data dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Packages* (PASW 20.0).

Prosedur Penilaian Psikometrik Inventori Stereotaip Multi Etnik Malaysia (ISMEM)

Penilaian psikometrik ISMEM melibatkan (i) pengujian kesahan konstruk Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip; (ii) menentukan kesahan konvergen antara Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip; (iii) menguji kebolehpercayaan pekali *Cronbach Alpha* Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip dan (iv) meneliti kualiti item Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip. Penilaian terhadap kesesuaian data untuk analisis faktor dilakukan dahulu sebelum penilaian psikometri dilakukan.

Penilaian Kesesuaian Data untuk Analisis Faktor (EFA) bagi Inventori Stereotaip Multi Etnik Malaysia (ISMEM)

Analisis EFA dipilih untuk pembinaan komponen Stereotaip Multi Etnik Malaysia (ISMEM) kerana salah satu fungsi EFA adalah untuk mengenal pasti item yang perlu ada dalam sesebuah instrumen ke dalam konstruk tertentu. Selain itu turut bertujuan untuk membina, mengesahkan (validiti) serta memurnikan skala sesebuah instrumen (Conway & Huffcutt, 2003). Selain itu, tujuan utamanya adalah untuk menentukan struktur asas antara pemboleh ubah dalam analisis (Hair 2010, 2012). Khususnya tujuan kajian ini adalah untuk meneroka dimensi asas stereotaip di Malaysia. Penyelidik mengambil kira tiga

penilaian kesesuaian data untuk menjalankan analisis faktor. Penilaian tersebut adalah :

Saiz Sampel

Salah satu persoalan sebelum menjalankan analisis faktor adalah berkenaan jumlah sampel. Tidak ada suatu persetujuan yang universal mengenai jumlah minimum sampel bagi analisis faktor kerana terdapat pelbagai cadangan dan panduan yang diberikan oleh para penyelidik. Ada yang mencadangkan peraturan praktikal adalah 100 (lemah), 200 (memadai), 300 (lebih dari memadai), 500 (baik) dan lebih dari 1000 (sangat baik) (Comrey & Lee, 1973). Hair et al. (2010) pula menetapkan nilai muatan faktor dengan pemilihan sampel sebagai panduan (Jadual 1). Secara umumnya mengambil pendekatan dengan melibatkan lebih ramai sampel, adalah lebih baik. Ini kerana dalam sampel kecil, kemungkinan wujud isu kebolehpercayaan pada nilai korelasi antara item. Memandangkan saiz sampel dalam kajian ini (N=1000) melebihi kriteria minimum yang selalunya didebatkan oleh ramai penyelidik, maka persoalan mengenai jumlah sampel minimum dalam kajian ini bukanlah suatu isu. Penyelidik turut menetapkan nilai muatan faktor .50 sebagai penanda aras.

Jadual 1 Panduan Saiz Sampel Berdasarkan Nilai Muatan Faktor oleh Hair et al. (2010,2012) dan Nilai Julat Muatan Faktor Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip

<i>Nilai Muatan Faktor</i>	<i>Saiz Sampel</i>
.30	350
.35	250
.40	200
.45	150
.50	120
.55	100
.60	85
.65	70
.70	60
.75	50

Korelasi antara Item

Perkara kedua yang dipertimbangkan adalah mengenal pasti korelasi antara item. Ini adalah kerana analisis faktor mengandaikan bahawa setiap item mempunyai korelasi sesama item.

Hair et al. (1995) mencadangkan kriteria nilai korelasi $\pm .30$ sebagai minimum, $\pm .40$ sebagai penting dan $\pm .50$ sebagai penting secara praktikal. Ini bermakna semua item yang mengukur konstruk yang sama mempunyai nilai korelasi yang tinggi antara satu sama lain. Manakala item-item pada konstruk yang berbeza mempunyai nilai korelasi yang rendah.

Komponen Anteseden Stereotaip

Hasil pemeriksaan matriks korelasi pada komponen Anteseden Stereotaip menunjukkan nilai muatan faktor 0.3 dan ke atas. Semua item mempunyai nilai korelasi $\geq .30$ dengan sekurang-kurangnya satu item sekali gus mencadangkan pemfaktoran yang munasabah.

Komponen Fenomena Stereotaip

Komponen Fenomena Stereotaip terdiri daripada 10 item. Hasil pemeriksaan matriks korelasi pada komponen Fenomena Stereotaip menunjukkan nilai korelasi 0.3 dan ke atas. Sembilan daripada 10 item berkorelasi ($r \geq .30$) dengan sekurang-kurangnya satu item.

Kesesuaian Data Sampel

Sebelum prosedur pembentukan atau pengestrakan faktor, beberapa ujian perlu dilakukan bagi menentukan kesesuaian data sampel untuk analisis faktor (Kaiser, 1970). Antara ujian tersebut adalah Ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) dan ujian *Bartlett's Test of Sphericity*. Ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) dijalankan bagi mengukur kesesuaian data sampel. Selain itu, ujian *Bartlett's Test of Sphericity* dijalankan sebelum pengestrakan atau pembentukan faktor untuk memastikan kesesuaian data bagi analisis faktor eksploratori. Hair et al. (1995) turut menyatakan kebanyakan analisis faktor menggunakan pelbagai kriteria pendekatan. Kaiser (1960); Cattell (1966) & Horn (1965) mencadangkan antara kriteria tersebut adalah kriteria Kaiser (nilai eigen >1), ujian *Scree*, kumulatif peratusan varians yang di ekstrak dan analisis paralel. Kaedah *Principal Component Analysis (PCA)* seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010, 2012) digunakan dengan putaran *promax* bagi memahami skala yang dibentuk dengan jelas

antara item dan faktor yang dibentuk. Ini kerana setiap faktor secara logiknya berkorelasi antara satu sama lain. Dengan erti kata lain, setiap faktor adalah saling berkaitan.

Penilaian psikometri ISMEM melibatkan pengujian kesahan konstruk ISMEM (komponen stereotaip anteseden dan komponen stereotaip fenomena). Penyelidik menggunakan kriteria yang diberikan oleh Hair et al. (2010, 2012) sebagai panduan. Selain itu, penyelidik juga mengambil kira kriteria tambahan yang dicadangkan oleh Thomson (2004) iaitu menjalankan analisis paralel bagi menentukan bilangan faktor. Thomson (2004), menyatakan bahawa analisis paralel merupakan antara kaedah yang terbaik untuk menentukan bilangan faktor yang perlu disingkirkan atau dikekalkan dalam analisis faktor. Dalam analisis paralel, perbandingan akan dibuat di antara nilai *eigen* sebenar nilai susunan rawak (*random order*) *eigen*. Jumlah faktor yang akan dikekalkan dan diambil kira adalah apabila nilai *eigen* melebihi nilai *eigen* yang disusun secara rawak atau merujuk kepada graf *scree plot* yang di hasilkan. Secara umumnya Jadual 2 memaparkan panduan kriteria yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson (2004) dalam analisis *Principal Component Analysis (PCA)*.

Jadual 2 Panduan Kriteria Analisis Faktor oleh Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson (2004).

Bil.	Kriteria	Panduan Hair et al. (2010, 2012)
1.	Ujian <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> (KMO)	0.5-0.7
2.	Ujian <i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	$<.05$
3.	Anti-image correlation matrix of items	$\geq .05$
4.	Nilai Komunaliti	$\geq .05$
5.	Pemboleh Ubah Faktor	$\geq .30$
6.	Nilai Eigen Fakor	> 1
7.	Peratusan Variance	$\geq 60\%$
		Panduan Thomson (2004)

8.	Ujian Analisis Pararel	Nilai eigen sebenar faktor > nilai eigen faktor susunan rawak
----	------------------------	---

KEPUTUSAN

Keputusan Kesahan Konstruk *Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip*

Inventori Stereotaip Multi Etnik Malaysia (ISMEM) mengandungi dua bahagian iaitu *Komponen Anteseden Stereotaip* (54 item) dan *Komponen Fenomena Stereotaip* (10 item). Seramai 881 orang sampel terlibat dalam kajian ini. Berikut merupakan keputusan kesahan konstruk bagi *Komponen Anteseden Stereotaip* dan *Komponen Fenomena Stereotaip*:

Komponen Anteseden Stereotaip

Hasil analisis PCA menggunakan putaran promax, nilai muatan .50 dan nilai eigen >1 dengan mengambil kira keputusan analisis pararel telah menghasilkan empat faktor. Secara keseluruhannya 39 item daripada 54 telah telah dikekalkan. Sebanyak 15 item telah digugurkan kerana mempunyai nilai muatan <.50. Jadual 3 memperincikan dapatan faktor analisis berpandukan kriteria Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson 2004. Nilai muatan faktor bagi *Komponen Anteseden Stereotaip* adalah di antara .511 - .830. Sementara itu, nilai *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) bagi *Komponen Anteseden Stereotaip* adalah .942, memenuhi kriteria minimum yang disarankan. Selain itu, nilai ujian *Bartlett's Test of Sphericity* adalah signifikan secara statistik iaitu ($\chi^2 = .951$, $df=741$, $p<.05$). Jadual 3 memaparkan hasil analisis faktor putaran promax berpandukan kriteria analisis faktor oleh Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson (2004). Keempat-empat faktor tersebut menerangkan sebanyak 50.51% varians dalam keseluruhan set *Komponen Anteseden Stereotaip*. Nilai komunaliti item bagi keempat-empat faktor yang terbentuk adalah dari .334 sehingga .628, dengan nilai min .505.

Jadual 3 Panduan Kriteria Analisis Faktor oleh Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson (2004).

Bil.	Kriteria	Panduan Hair et al. (2010, 2012)	Dapatan Kajian (Komponen Anteseden)
1.	Ujian <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> (KMO)	0.5-0.7	.951
2.	Ujian <i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	<.05	.000
3.	Anti-image correlation matrix of items	$\geq .05$.904-9.71
4.	Nilai Komunaliti Pemboleh Ubah	$\geq .05$.334-.628
5.	Nilai Muatan Faktor	$\geq .30$	4.543-31.504
6.	Nilai Eigen Faktor	> 1	1.772-12.287
7.	Peratusan Varians	$\geq 60\%$	50.508%
8.	Ujian Analisis Pararel	Nilai eigen sebenar faktor > nilai eigen faktor susunan rawak	3- 4 faktor

Rajah 1 turut memaparkan bilangan faktor yang dikekalkan berdasarkan analisis pararel dengan membandingkan nilai *eigen* sebenar dengan nilai susunan rawak (*random order*) *eigen*. Hasil analisis pararel juga menunjukkan hanya empat faktor daripada 5 faktor asal perlu dikekalkan. Namun penyelidik memutuskan untuk membentuk tiga faktor kerana boleh menerangkan dengan lebih

jenis faktor yang terbentuk berbanding empat faktor.


(9 item). Jadual 4 memaparkan tiga faktor yang terbentuk dengan putaran promax dengan mengambil kira nilai muatan .05

Tiga faktor yang terbentuk adalah Ciri Negatif (16 item); Ciri Positif (14 item) dan Kesatuan

Jadual 4 Pembentukan Faktor Komponen Antiseden Stereotaip Menggunakan Putaran Promax

Bil.	Faktor dan Item Komponen <i>Antisiden Stereotaip</i>		Nilai Muatan Faktor (N=1000)				Komunaliti
			Faktor 1	Faktor 2	Faktor3	Faktor 4	
<i>Faktor 1: Ciri Negatif</i>						.628	
1.	B32	suka menyindir.	.791			.600	
2.	B23	suka memfitnah.	.771			.600	
3.	B20	bertalam dua muka.	.771			.591	
4.	B34	suka mengumpat.	.768			.565	
5.	B31	suka mengejek.	.745			.547	
6.	B14	pendengki.	.733			.536	
7.	B19	suka bergaduh.	.730			.550	
8.	B5	suka mengkritik.	.729			.550	
9.	B7	suka mengampu.	.708			.491	
10.	B18	ego.	.698			.511	
11.	B25	kedekut.	.686			.491	
12.	B15	boros.	.673			.449	
13.	B8	pemarah.	.661			.443	
14.	B4	mudah iri hati	.657			.360	
15.	B35	selekeh.	.591			.340	
16.	B11	suka menyindir.	.581			.628	
<i>Faktor 2: Ciri Positif</i>							
1.	B45	berkeyakinan.		.784		.615	
2.	B54	gigih berusaha.		.759		.580	
3.	B46	mengenang budi.		.710		.582	
4.	B51	berpandangan jauh.		.707		.527	
5.	B44	bertimbang rasa.		.687		.565	
6.	B38	berdikari.		.686		.495	
7.	B47	bertoleransi.		.681		.555	
8.	B48	jujur.		.675		.487	
9.	B29	pandai.		.665		.447	
10.	B43	kreatif.		.646		.421	

11.	B49	mudah beradaptasi.	.637	.408
12.	B12	berjimat cermat.	.596	.401
13.	B13	inginkan yang terbaik.	.592	.352
14.	B9	komited.	.576	.334
<i>Faktor 3: Kesatuan</i>				
1.	B41	mudah bekerjasama.	.768	.590
2.	B36	suka menolong.	.767	.590
3.	B17	tolong menolong.	.749	.565
4.	B28	mesra.	.719	.530
5.	B53	baik hati.	.711	.598
6.	B21	suka berkongsi.	.696	.501
7.	B26	bersatu hati.	.678	.464
8.	B52	mudah bergaul.	.663	.482
9.	B40	bersemangat kekitaan.	.633	.405
Nilai Eigen			12.287	5.640
Peratusan Sumbangan Varians			31.504	14.461
Jumlah Peratusan Sumbangan Varians				50.508
Purata Nilai Komunaliti				0.505



Rajah 1 Graf Scree Plot Analisis Pararel Komponen Anteseden Stereotaip

Jadual 5 memaparkan nilai matriks korelasi bagi faktor-faktor di dalam Komponen Anteseden Stereotaip. Faktor-faktor tersebut didapati berkorelasi antara satu sama lain iaitu dengan julat nilai -.315 sehingga .650.

Jadual 5 Graf Scree Plot Analisis Pararel Komponen Anteseden Stereotaip

Faktor Komponen Anteseden Streotaip	Faktor 1:	Faktor 2:	Faktor 3:
Faktor Ciri Negatif	1.00		
Faktor Ciri Positif	-.315	1.00	
Faktor Kesatuan	-.325	.650	1.00

Jadual 6 sehingga Jadual 8 memaparkan nilai min dan sisihan piawai bagi 39 item dalam Komponen Anteseden Stereotaip menggunakan putaran promaks. Bagi faktor yang pertama (Ciri Negatif) untuk komponen anteseden stereotaip item B5 “Etnik saya disifatkan sebagai suka mengkritik” mencatat nilai min tertinggi iaitu min=2.698 (SP=1.029), diikuti oleh item B18 “Etnik saya disifatkan sebagai ego” (M=2.594, SP=0.956) dan item B4 “Etnik saya disifatkan sebagai ego” mencatat nilai min=2.579 dengan nilai sisihan piawai=1.036. Ketiga tiga item tersebut adalah di antara skala 2 (tidak setuju) dan skala 3 (neutral). Nilai min terendah dicatat oleh item B23 “Etnik saya disifatkan sebagai suka mengkritik” (M=2.018, SP=0.914).

Jadual 6 Nilai min dan sisihan piawai faktor ciri negatif komponen stereotaip anteseden

Bil.	Item (N=1000)	Min	S.P
Etnik saya disifatkan sebagai.....			
1.	B5 suka mengkritik.	2.698	1.029
2.	B18 ego.	2.594	0.956
3.	B4 mudah iri hati	2.579	1.036
4.	B8 pemarah.	2.515	0.955
5.	B15 boros.	2.507	0.976
6.	B34 suka mengumpat.	2.493	1.042

7.	B32	suka menyindir.	2.385	0.980
8.	B7	suka mengampu.	2.371	0.971
9.	B11	ganas.	2.321	1.045
10.	B19	suka bergaduh.	2.302	0.932
11.	B25	kedekut.	2.266	0.951
12.	B35	selekeh.	2.216	0.924
13.	B14	pendengki.	2.199	1.030
14.	B20	bertalam dua muka.	2.194	0.946
15.	B31	suka memfitnah.	2.179	0.940
16.	B23	suka mengkritik.	2.018	0.914

Nota. 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Neutral, 4= Setuju, dan 5=Sangat Setuju

Bagi faktor kedua iaitu Ciri Positif (Jadual 7) di bawah komponen anteseden stereotaip menunjukkan catatan min tertinggi pada item B13 “Etnik saya disifatkan sebagai etnik yang inginkan yang terbaik” (M=4.071, SP=0.780), diikuti oleh item B54 “Etnik saya disifatkan sebagai etnik yang gigih berusaha” (M=3.967, SP=0.753). Nilai min ketiga tertinggi ialah item B38 “Etnik saya disifatkan sebagai etnik

yang berdikari” dengan nilai min=3.964 dengan nilai sisihan piawai=0.763. Ketiga-tiga item tersebut terletak pada skala 4 iaitu “setuju”. Item B12 “Etnik saya disifatkan sebagai etnik yang berjimat cermat” pula mencatat nilai min terendah (M=3.469, SP=0.838) dengan skala di antara skala 3 (neutral) ke skala 4 (setuju).

Jadual 7 Nilai min dan sisihan piawai faktor ciri positif komponen stereotaip anteseden

Bil.	Item (N=1000)	Min	S.P	
Etnik saya disifatkan sebagai.....				
1.	B13	inginkan yang terbaik.	4.071	0.780
2.	B54	gigih berusaha.	3.967	0.753
3.	B38	berdikari.	3.964	0.763
4.	B46	mengenang budi.	3.961	0.704
5.	B47	bertoleransi.	3.905	0.679
6.	B44	bertimbang rasa.	3.846	0.707
7.	B45	berkeyakinan.	3.739	0.688
8.	B43	kreatif.	3.682	0.758
9.	B48	jujur.	3.653	0.708
10.	B9	komited.	3.611	0.787
11.	B29	pandai.	3.602	0.717
12.	B49	mudah beradaptasi.	3.570	0.799
13.	B51	berpandangan jauh.	3.558	0.762
14.	B12	berjimat cermat.	3.469	0.838

Nota. 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Neutral, 4= Setuju, dan 5=Sangat Setuju

Jadual 8 memaparkan nilai min dan sisihan piawai bagi faktor ketiga (Faktor Kesatuan) dalam Komponen Stereotaip Anteseden. Item B17 “Etnik lain memandang etnik saya sebagai etnik yang saling tolong menolong” dengan catatan nilai min=4.223 (SP=0.712). Item B28 “Etnik lain memandang etnik saya

sebagai mesra” menduduki kedudukan min kedua tertinggi (M=4.104, SP=0.718), diikuti dengan item B17 “Etnik lain memandang etnik saya sebagai etnik yang saling tolong menolong” (M=4.148, SP=0.880). Semua item dalam Faktor Kesatuan mengarah kepada skala 4 (setuju).

Jadual 8 ilai min dan sisihan piawai faktor kesatuan komponen stereotaip anteseden.

Bil.	Item (N=1000)	Min	S.P
Etnik saya disifatkan sebagai.....			
1.	B17 tolong menolong.	4.223	0.712
2.	B28 mesra.	4.104	0.718
3.	B41 mudah bekerjasama.	4.065	0.683
4.	B36 suka menolong.	4.062	0.719
5.	B52 mudah bergaul.	3.991	0.713
6.	B53 baik hati.	3.988	0.724
7.	B26 bersatu hati.	3.944	0.76
8.	B40 bersemangat kekitaan.	3.843	0.846
9.	B21 suka berkongsi.	3.783	0.808


Nota. 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Neutral, 4= Setuju, dan 5=Sangat Setuju

Secara amnya hasil analisis faktor untuk Komponen Anteseden Stereotaip telah membentuk tiga faktor (Ciri Negatif, Ciri Positif dan Kesatuan) dengan putaran promax. Ketiga-tiga faktor menyumbang sebanyak 50.51% varians. Dapatan kajian ini melaporkan bahawa multi etnik dalam kajian ini tidak setuju dikatakan sebagai etnik yang berciri negatif seperti suka mengkritik, memfitnah ataupun ganas. Mereka menganggap etnik mereka lebih kepada ciri positif misalnya bertoleransi, bertimbang rasa dan juga berpandangan jauh. Namun begitu, semangat kesatuan adalah sangat tinggi dalam kalangan etnik itu sendiri seperti tolong-menolong, mesra dan mudah bekerjasama.

Komponen Fenomena Stereotaip

Hasil analisis komponen prinsipal terhadap 10 item dalam Komponen Fenomena Stereotaip

telah membentuk tiga faktor dengan nilai *eigen* melebihi 1. Ketiga-tiga faktor tersebut menyumbang sebanyak 60.86% perubahan varians keseluruhan bagi Komponen Fenomena Stereotaip. Nilai komunaliti item bagi tiga komponen yang terbentuk adalah antara .327 sehingga .816, dengan nilai min komunaliti adalah .609 iaitu memadai untuk analisis faktor. Pemeriksaan pada graf *Scree plot* (Rajah 2) juga menunjukkan terdapat tiga faktor utama yang memberi sumbangan besar kepada perubahan varians secara keseluruhan dalam Komponen Fenomena Stereotaip. Satu item telah disingkirkan kerana gagal memenuhi kriteria nilai muatan minimum .50 yang ditetapkan oleh penyelidik serta tidak menyumbang kepada struktur faktor. Kriteria nilai muatan minimum pada item tersebut juga tidak bersilang dengan faktor lain.



Rajah 2 Graf Scree Plot bagi Komponen Fenomena Stereotaip

Selain itu, analisis pararel turut dilakukan. Ini juga adalah untuk menentukan bilangan faktor dengan membandingkan nilai *eigen* sebenar dengan nilai susunan rawak (*random order*)

eigen. Hasil analisis pararel turut menunjukkan hanya tiga faktor daripada 10 faktor asal dikekalkan. Jadual 9 memaparkan keputusan analisis pararel.

Jadual 9 Hasil Analisis Pararel Komponen Fenomena Stereotaip

Bilangan Faktor	Nilai sebenar <i>eigen</i> dari analisis komponen prinsipal	Susunan rawak dari analisis pararel	Keputusan
1	3.211	1.198	Diterima
2	1.782	1.142	Diterima
3	1.194	1.100	Diterima
4	0.884	1.063	Ditolak
5	0.625	1.033	Ditolak
6	0.595	1.005	Ditolak
7	0.567	0.977	Ditolak
8	0.513	0.948	Ditolak
9	0.409	0.917	Ditolak
10	0.220	0.885	Ditolak

Ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) dijalankan bagi mengukur kesesuaian data sampel. Selain itu, ujian *Bartlett's test of sphericity* dijalankan sebelum pengekstrakan atau pembentukan faktor untuk memastikan kesesuaian data bagi analisis faktor eksploratori. Setelah itu analisis korelasi antara item dan pengiraan nilai ketekalan dalaman *Cronbach alpha* dijalankan bagi *Komponen Fenomena Stereotaip*. Data dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Packages* (PASW 20.0).

dan Thomson (2004). Hasil analisis PCA menggunakan putaran promax, nilai muatan .50 dan nilai *eigen* >1 dengan mengambil kira keputusan analisis pararel telah menghasilkan tiga faktor. Namun setelah analisis faktor, penyelidik menetapkan dua faktor untuk *Komponen Fenomena Stereotaip*. Secara keseluruhannya tujuh item daripada 10 item telah telah dikekalkan. Jadual 11 memperincikan dapatan faktor analisis berpandukan kriteria Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson 2004.

Jadual 10 memaparkan hasil analisis putaran berdasarkan kriteria Hair et al. (2010, 2012)

Jadual 10 Hasil Analisis Faktor Putaran Panduan Kriteria Analisis Faktor oleh Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson (2004)

Bil.	Kriteria	Panduan Hair et al. (2010, 2012)	Dapatan Kajian (Komponen Fenomena)
1.	Ujian <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> (KMO)	0.5-0.7	.756
2.	Ujian <i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	<.05	.000
3.	Anti-image corelation matrix of items	≥.05	.692-.875
4.	Nilai Komunaliti Pemboleh Ubah	≥.05	.463-.811
5.	Nilai Muatan Faktor	≥.30	.676-.890
6.	Nilai Eigen Fakor	> 1	1.336-3.184
7.	Peratusan Variance	≥60%	64.569
8.	Ujian Analisis Pararel	Panduan Thomson (2004) Nilai <i>eigen</i> sebenar faktor > nilai <i>eigen</i> faktor susunan	3 faktor

rawak

Dua faktor yang terbentuk adalah Optimistik (4 item) dan Ciri Negatif (3 item). Ketiga-tiga faktor tersebut menerangkan sebanyak 64.57% varians dalam keseluruhan set Komponen Antiseden Stereotaip. Nilai komunaliti item

bagi keempat-empat faktor yang terbentuk adalah dari .463 sehingga .811, dengan nilai min .646. Jadual 11 memaparkan dua faktor yang terbentuk dengan putaran promax dengan mengambilkira nilai muatan .05

Jadual 11 Pembentukan Faktor Komponen Fenomena Stereotaip Menggunakan Putaran Promax.

Bil.	Faktor dan Item Komponen <i>Anteseden Stereotaip</i>	Nilai Muatan Faktor (N=1000)			Komunaliti
		Faktor 1	Faktor 2	Faktor3	
Faktor 1: Optimistik					
1.	Etnik saya mementingkan pendidikan.	.890			.754
2.	Etnik saya mementingkan masa depan anak.	.853			.811
3.	Etnik saya mementingkan kerjaya.	.800			.463
4.	Etnik saya bijak mengambil peluang.	.676			.602
Faktor 2: Ciri Negatif					
1.	Etnik saya suka memandang rendah orang lain.		.837		.652
2.	Etnik saya suka melanggar undang-undang.		.809		.679
3.	Etnik saya kurang menjaga kebersihan.		.731		.559
Nilai Eigen		3.184	1.336		
Peratusan Sumbangan Varians		45.489	19.081		
Jumlah Peratusan Sumbangan Varians				64.569	
Purata Nilai Komunaliti				0.646	

Jadual 12 memaparkan nilai matriks korelasi bagi faktor-faktor di dalam Komponen Fenomena Stereotaip. Item dalam komponen Fenomena Stereotaip didapati berkorelasi antara satu sama lain iaitu dengan nilai $r = -.38$.

Jadual 12 Nilai Matriks Korelasi Faktor-faktor Dalam Komponen Fenomena Stereotaip

Bil.	Faktor Komponen <i>Anteseden Stereotaip</i>	1	2
1.	Faktor 1: Optimistik	1.00	
2.	Faktor 2: Ciri Negatif	-.38**	1.00

** $k < .01$

Bagaimanapun, kedua-dua faktor yang terbentuk boleh dimantapkan lagi menerusi pengolahan semula struktur ayat bagi item yang mempunyai nilai muatan yang rendah dan juga dengan menambahkan lagi item yang baru. Langkah ini mungkin akan meneguhkan lagi pembentukan faktor ketiga yang mana telah digugurkan daripada analisis faktor atas sebab nilai muatan dan sumbangan varians yang rendah.

Jadual 13 dan Jadual 14 memaparkan nilai min dan sisihan piawai bagi sepuluh item dalam Komponen Fenomena Stereotaip menggunakan putaran promaks. Nilai min tertinggi ($M = 4.166$, $SP = 0.749$) bagi faktor stereotaip optimistik untuk komponen fenomen stereotaip adalah item C1 “Etnik saya mementingkan masa depan anak”, diikuti dengan item C2 “ ($M = 4.131$, $SP = 0.780$) dengan kedua-dua item C2 dan C1 pada kedudukan skala 4 (setuju). Item C6 dan C3 juga menghampiri skala 4 (setuju) dengan masing-masing mencatat nilai min 3.795 ($SP = 0.825$) dan 3.662 ($SP = 0.782$). Item C6 “Etnik saya mementingkan kerjaya” mencatatkan nilai min=3.795 dan item C3 “Etnik saya bijak mengambil peluang” dengan nilai min=3.662 ($SP = 0.782$). Semua item dalam faktor stereotaip negatif mengarah ke skala 4 (setuju).

Jadual 13 Nilai min dan sisihan piawai faktor stereotaip optimistik komponen fenomena stereotaip

Bil.	Item (N=1000)	Min	S.P
1.	Etnik saya mementingkan masa depan anak (C1)	4.166	0.749
2.	Etnik saya mementingkan pendidikan (C2)	4.131	0.780
3.	Etnik saya mementingkan kerjaya (C6)	3.795	0.825
4.	Etnik saya bijak mengambil peluang (C3)	3.662	0.782

Nota: 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Neutral, 4= Setuju, dan 5=Sangat Setuju

Jadual 14 memaparkan nilai min dan sisihan piawai faktor negatif dalam komponen

fenomena stereotaip. Nilai min tertinggi dicatat oleh item C5 “Etnik saya suka memandang rendah orang lain” ($M = 2.128$, $SP = 0.837$), diikuti oleh item C9 “Etnik saya kurang menjaga kebersihan” ($M = 2.027$, $SP = 0.908$), dan item C4 “Etnik saya suka melanggar undang-undang” ($M = 1.944$, $SP = 0.805$). Semua item pada faktor ciri negatif komponen fenomena stereotaip terletak pada skala 2 (tidak setuju).

Jadual 14 Nilai min dan sisihan piawai faktor komponen fenomena stereotaip

Bil.	Item (N=1000)	Min	S.P
1.	Etnik saya suka memandang rendah orang lain (C5)	2.128	0.837
2.	Etnik saya kurang menjaga kebersihan (C9)	2.027	0.908
3.	Etnik saya suka melanggar undang-undang (C4)	1.944	0.805

Nota: 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Neutral, 4= Setuju, dan 5=Sangat Setuju

Secara amnya hasil analisis faktor untuk Komponen Fenomena Stereotaip telah membentuk dua faktor (Optimistik, dan Ciri Negatif) dengan putaran promax. Kedua-dua faktor tersebut menyumbang sebanyak 64.57% varians. Hasil ini melaporkan bahawa setiap etnik mementingkan masa depan anak-anak mereka tanpa mengira keberadaan lokasi penempatan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa peluang pendidikan sama rata yang diberikan oleh pihak kerajaan telah dapat difahami oleh setiap etnik khususnya di negeri Sabah. Dengan itu, peluang bagi generasi muda setiap etnik melanjutkan pelajaran akan sentiasa terbuka dan sekali gus dapat menaik taraf status etnik tersebut. Selain itu, setiap etnik sangat tidak bersetuju dikatakan sebagai etnik yang suka melanggar undang-undang dan tidak setuju dikatakan sebagai etnik yang kurang menjaga kebersihan serta memandang rendah pada orang lain. Ini menunjukkan bahawa perasaan hormat terhadap etnik lain masih wujud dan menyebabkan toleransi sesama etnik dapat dikekalkan.

Kesahan Konvergen antara Sub-Skala komponen antiseden dan fenomena stereotaip

Kesahan konvergen dilakukan antara faktor dalam komponen anteseden stereotaip dengan faktor dalam komponen fenomena stereotaip. Kesahan konvergen digunakan untuk menilai tahap korelasi antara dua komponen yang mengukur konsep yang sama atau berkaitan. Kesahan konvergen berlaku apabila nilai korelasi antara faktor adalah tinggi. Ini bermakna kedua-dua faktor adalah tersebut mengukur konsep yang sama.

Kesahan Konvergen antara Sub-Skala Komponen Anteseden Stereotaip

Ujian konvergen telah dilakukan antara komponen anteseden dengan fenomena stereotaip instrumen stereotaip Malaysia. Keputusan menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan dan positif antara faktor 2 dan faktor 3 ($r = -.791$, $p < .05$) dalam komponen anteseden. Korelasi negatif didapati antara faktor 1 dengan faktor 2 ($r = -.364$, $p < .05$) dan faktor 3 ($r = -.282$, $p < .05$).

Jadual 15 Kesahan Konvergen antara Sub-Skala Komponen Anteseden Stereotaip

Faktor	1	2	3
Ciri Negatif	1.00		
Ciri Positif	-.364**	1.00	
Kesatuan	-2.82**	.791**	1.00

** $k < .01$

Kesahan Konvergen antara Sub-Skala Komponen Fenomena Stereotaip

Bagi komponen sub-skala komponen fenomena stereotaip pula, ujian konvergen menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan dan negatif antara faktor 1 dan faktor 2 ($r = -.380$, $p < .05$).

Jadual 16 Kesahan Konvergen antara Sub-Skala Komponen Fenomena Stereotaip.

Faktor	1	2
Optimistik	1.00	
Ciri Negatif	-.380**	1.00

** $k < .01$

Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip

Berdasarkan keputusan kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi komponen anteseden adalah di antara 0.897 – 0.93. Faktor 1 (Ciri Negatif) menunjukkan nilai kebolehpercayaan tertinggi. Sementara komponen fenomena pula adalah antara 0.706 – 0.821. Faktor 1 (Ciri Optimistik) menunjukkan nilai kebolehpercayaan tertinggi. Jadual 17 memaparkan keputusan kebolehpercayaan ketekalan dalaman (Cronbach Alpha) bagi Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip.

Jadual 17 Kebolehpercayaan ketekalan dalaman (Cronbach Alpha) bagi Komponen Anteseden Stereotaip dan Komponen Fenomena Stereotaip.

Komponen	Bilangan item	Nilai Cronbach Alpha
Komponen Anteseden Stereotaip		
Faktor 1 : Ciri Negatif	16	.933
Faktor 2 : Ciri Positif	14	.902
Faktor 3 : Kesatuan	12	.897
Komponen Fenomena Stereotaip		
Faktor 1 : Optimistik	4	.821
Faktor 2 : Negatif	3	.706

KESIMPULAN

Malaysia telah dikenali di serata dunia dengan keunikan daripada pelbagai etnik yang terdapat di dalamnya namun masih dapat hidup selesa di bawah satu bumbung. Namun demikian, tidak bermakna ketenteraman ini dapat dijamin kesinambungannya. Untuk itu, perlu ada usaha yang dilakukan bagi mengekalkan kesejahteraan ini dan salah satunya adalah daripada kajian ini iaitu tentang

konsep stereotaip dalam kalangan penduduk khususnya yang berada di negeri Sabah.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, beberapa faktor telah dibina berdasarkan data yang diperoleh di mana dalam komponen anteseden stereotaip terdapat tiga faktor yang terbentuk iaitu ciri negatif, ciri positif dan kesatuan. Contoh item dalam ciri negatif adalah seperti bertalam dua muka dan suka mengejek, untuk ciri positif contoh item adalah berkeyakinan dan berpandangan jauh manakala contoh item untuk faktor kesatuan adalah tolong menolong dan mudah bekerjasama. Bagi fenomena anteseden stereotaip pula terdapat dua faktor yang dibina iaitu optimistik dan juga ciri negatif. Contoh item untuk faktor optimistik adalah seperti “etnik saya mementingkan pendidikan dan masa depan anak”, manakala untuk faktor ciri negatif contoh item adalah suka memandang rendah orang lain.

Melalui kajian yang dilakukan sifat toleransi antara etnik masih lagi tinggi dengan adanya sikap perasaan hormat kepada etnik lain. Faktor ini sekiranya dapat dikekalkan akan dapat menjamin kestabilan kesejahteraan masyarakat Malaysia khususnya di negeri Sabah. Sikap toleransi antara etnik seharusnya diterapkan kepada setiap kaum yang ada di Malaysia agar kesepaduan sosial dapat di bina dan sekali gus keharmonian negara dapat dikekalkan. Oleh itu, hasil kajian mencadangkan bahawa instrumen ISMEM adalah alat ukur yang boleh dipercayai dan sah dan boleh dipertimbangkan untuk digunakan dalam kajian akan datang untuk mengukur stereotaip dalam konteks tempatan sebagai alternatif yang lebih baik berbanding instrumen dari Barat. Walau bagaimanapun, kajian lanjutan perlu dilakukan ke atas sampel lain untuk mengesahkan lagi instrumen.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

RUJUKAN

- Braun, V. and Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2), 77-101.
- Bogardus, E. S. (1927). Race friendliness and social distance. *Journal of Applied Sociology*, 11, 272-287.
- Cattell, R. B. (1966). The scree test for the number of factors. *Multivariate Behavioral Research*, 1, 245-276.
- Comrey, A. L., & Lee, H. B. (1992). *A first course in factor analysis (2nd ed.)*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Conway, J. M., & Huffcutt, A. I. (2003). A review and evaluation of exploratory factor analysis practices in organizational research. *Organizational Research Methods*, 6, 147-168.
- Costrich, N., Feinstein, J., Kidder, L., Marecek, J., & Pascale, L. (1975). When stereotypes hurt: Three studies of penalties for sex-role reversals. *Journal of Experimental Social Psychology*, 11, 520-530.
- Dovidio, J. F., Evans, N., & Tyler, R. B. (1986). Racial stereotypes: The contents of their cognitive representations. *Journal of Experimental Social Psychology*, 22(1), 22-37.
- Fazio, R. H., Jackson, J. R., Dunton, B. C., & Williams, C. J. (1995). Variability in automatic activation as an unobtrusive measure of racial attitudes: A bona fide pipeline?. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69(6), 1013-1027.
- Fiske, S. T. (1998). *Stereotyping, prejudice, and discrimination*. In D. T. Gilbert, S. T. Fiske, & G. Lindzey (Eds), *The Handbook of Social Psychology* (4th ed., Vol. 2, pp. 357-411). New York: McGraw-Hill.
- Fiske, S. T., Cuddy, A. J., Glick, P., & Xu, J. (2002). A model of (often mixed) stereotype content: Competence and warmth respectively follow from perceived status and competition.

- Journal of Personality and Social Psychology*, 82(6), 878-902.
- Greenwald, A. G., McGhee, D. E., & Schwartz, J. L. K. (1998). Measuring individual differences in implicit cognition: The implicit association test. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(6), 1464-1480.
- Hair, J. E. Jr., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (1995). *Multivariate data analysis* (4th ed.). Upper Saddle, NJ: Prentice-Hall.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. and Black, W.C. (1998). *Multivariate Data Analysis*. Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*, (7th ed.). Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Hair, J.F., Sarstedt, M., Ringle, C.M., Mena, J.A. (2012). An Assessment of the use of partial least squares structural equation modeling in marketing research. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 40(3), 414-433.
- Healey, J. F. (2009). *Race, Ethnicity, Gender and Class : The Sociology of Group Conflict and Change* (5th ed.). Newport: Christopher Newport University.
- Henry, P. J., & Sears, D. O. (2002). The Symbolic Racism 2000 Scale. *Political Psychology*, 23(2), 253-283.
- Horn, J. L. (1965). A rationale and test for the number of factors in factor analysis. *Psychometrika*, 30, 179-185.
- Ismail Sualman (1998). *Fenomena Sterotaip: Kesannya Ke atas Komunikasi*. Biro Penyelidikan dan Perundingan Institut Teknologi Mara, Selangor.
- Kaiser, H.F. (1960). The application of electronic computers to factor analysis. *Educational and Psychological Measurement*, 20, 141-151.
- Kaiser, H.F. (1970). A second generation Little Jiffy. *Psychometrika*, 35, 401-415.
- Katz, D., & Braly, K. (1933). Racial Stereotypes of one hundred College Students. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 28, 280-290.
- Madon, S., Gyll, M., Aboufadel, K., Moontiel, E., Smith, A., Palumbo, P., Jussim, L. (2002). Ethnic and National Stereotypes: The Princeton Trilogy Revisited and Revised. *Society for Personality and Social Psychology*. 27(8), 996-1010.
- McLemore, S. D. (1994). *Racial and Ethnic Relations in America*. USA: Allyn & Bacon.
- Pratto, F., Sidanius, J., Stallworth, L. M., & Malle, B. F. (1994). Social dominance orientation: A personality variable predicting social and political attitudes. *Journal of Personality and Social Psychology*, 67(4), 741-763.
- Shih, M., Ambady, N., A. Richeson, J., dan Fujita, K. (2002). Stereotype Performance Boosts: The Impact of Self-Revelance and the Manner of Stereotype Activation. *Journal of Personality and Social Psychology*, 83(3), 638-647.
- Shih, M., Pittinsky, T. L., & Ambady, N. (1999). Stereotype susceptibility: Identity salience and shifts in quantitative performance. *Journal of Psychological Science*, 10, 81-84
- Swim, J. K., Aikin, K. J., Hall, W. S., & Hunter, B. A. (1995). Sexism and racism: Old-fashioned and modern prejudices. *Journal of Personality and Social Psychology*, 68(2), 199-214.
- Thompson, B. (2004). *Exploratory and confirmatory factor analysis*. Washington, DC: American Psychological Association.